

12 OCT 1996

LEAD Umno-Mahathir (Rizab)

HAK MELAYU TAK HILANG BILA TANAH RIZAB DIAMBIL ALIH

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa hak orang Melayu tidak akan hilang apabila tanah-tanah rizab diambil alih untuk pembangunan.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak pernah melupakan kepentingan orang Melayu setiap kali sesuatu pembangunan dilakukan di atas tanah rizab yang diambil alih.

"Sekurang-kurangnya nilai harga tanah itu naik, itu dengan sendirinya bermakna kepentingan Melayu sudahpun diambil kira. Selain itu, biasanya pembangunan sekarang ini komponen Melayunya ada," katanya pada persidangan berita pada akhir Perhimpunan Agung Umno 1996 selama tiga hari yang berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Dr Mahathir ditanya sejauh mana kerajaan berani memberi jaminan bahawa tanah rizab yang diambil alih untuk tujuan komersil tidak menyebabkan hak dan kepentingan orang Melayu hilang.

Ini kerana isu yang dibangkitkan seorang perwakilan semasa perbahasan perhimpunan itu ialah soal pemilikan tanah rizab oleh orang Melayu yang semakin berkurangan iaitu daripada 1.2 juta hektar semasa diwartakan oleh penjajah British kepada tidak sampai 0.8 juta hektar pada tahun 1982.

Dr Mahathir mengakui masih ada tanah rizab yang diambil alih belum digantikan kerana negara menghadapi masalah kekurangan tanah dan pada masa yang sama kerajaan juga mahu orang Melayu terus menikmati keuntungan dengan membenarkan kerajaan membangunkan tanah rizab.

Katanya orang Melayu akan sentiasa berada dalam kerugian jika taraf tanah rizab terus dikekalkan kerana nilai tanah rizab amat rendah dan harganya hanya akan naik apabila ada pembangunan.

Perdana Menteri berkata lazimnya orang Melayu hilang hak dan kepentingan terhadap tanah rizab kerana sikap mereka yang terlalu mengutamakan keuntungan jangka pendek, bukannya akibat tindakan kerajaan mengambil alih tanah mereka.

Katanya kebanyakan orang Melayu yang tanah mereka diambil alih mahukan wang tunai sebagai ganti walaupun kerajaan sentiasa meminta mereka mengambil saham dalam pembangunan yang ingin dilaksanakan di tanah berkenaan.

"Kita suruh ambil saham jangan ambil duit tapi dia berminat nak ambil duit, dia tak nak saham. Kita cadangkan dia diberi kedai umpamanya kalau dalam hotel, itupun dia tak berminat," katanya.

Sebagai contoh, Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa menasihati penduduk Langkawi supaya mereka tidak jual tanah tetapi sebaliknya mengambil saham.

"Tapi mereka lebih berminat untuk mendapatkan wang tunai yang mereka boleh belanjakan. Kita suruh dia masuk saham dalam ASN atau ASB pun kadang-kadang dia tak berminat," katanya.

Ketika ditanya sama ada keengganan orang Melayu mengambil saham mungkin disebabkan mereka tidak mahir atau pakar mengendalikannya, Dr Mahathir berkata : "Bukan soal ahli (mahir), milik saham tak payah jadi ahli (pakar) apa".

"Kita beli macam saham biasa. Kita nilai tanah itu dan kita keluarkan saham sebanyak nilai tanah dia," katanya.

Mengenai cadangan kerajaan mengambil alih tanah rizab di Kampung Baharu, di sini, untuk dibangunkan secara komersil, beliau berkata, kerajaan masih berunding dengan para pemiliknya bagi mendapatkan harga yang

sesuai supaya apabila ia dimajukan, orang Melayu mampu melibatkan diri. --
BERNAMA